Allianz

## Summit for Malaysia

**Penjagaan kesihatan antarabangsa untuk kumpulan korporat kecil dan sederhana**

# Jadual Manfaat

Sah dari 1 Jun 2026

Tersedia untuk kumpulan korporat yang terdiri daripada tiga orang pekerja atau lebih.



# Kenapa pilih kami?

## Penyelesaian untuk keperluan sebenar

**Insentif pekerja yang berkualiti**

Menarik, mengekalkan dan melindungi pekerja anda dengan produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan antarabangsa kami yang komprehensif.

**Bantuan 'Sentiasa ada'**

Kami sentiasa bersedia, sentiasa ada: menawarkan sokongan dan penjagaan kepada anda dan kakitangan anda pada setiap masa melalui semua peringkat perjalanan anda bersama kami.

**Pulangan bernilai untuk wang**

Kami menawarkan rangkaian yang terdiri daripada lebih 2 juta penyedia perubatan yang berkualiti, menyelesaikan bil perubatan secara langsung dengan penyedia untuk kebanyakan rawatan pesakit dalam. Kami mempunyai kaedah pembendungan kos dan pencegahan penipuan yang berkesan untuk meningkatkan simpanan anda.

**Fleksibiliti**

Bergantung pada keperluan dan belanjawan anda, jika anda mahu, anda boleh menambahkan pelan pilihan anda dengan satu daripada Pelan Pergigian, Pelan Optik dan/atau Pelan Penghantaran Pulang kami. Terdapat pelbagai deduktibel dan pembayaran bersama yang anda boleh pilih jika anda mahu mengawal jumlah perbelanjaan anda. Kami juga menawarkan kepada anda peluang untuk menyesuaikan beberapa had manfaat anda, dalam pelan utama dan pelan pilihan.

**Digital untuk kepantasan dan kemudahan**

Urus skim anda dengan cara yang pantas dan mudah melalui portal selamat kami untuk majikan. Untuk pekerja anda, kami menawarkan perkhidmatan digital MyHealth (aplikasi dan portal) yang membolehkan mereka mengemukakan tuntutan dengan mudah melalui beberapa langkah sahaja, mengurus polisi mereka dalam talian dan mengakses perkhidmatan seperti Pencari Penyedia kami.



Beberapa perkara yang ingin kami ketengahkan tentang manfaat kami...

- Kami menawarkan antara **manfaat onkologi** yang komprehensif di pasaran:
  - Menampung kos kebanyakan rawatan dan prosedur yang diperlukan untuk kes kanser
  - **Perkhidmatan pengurusan kes onkologi peribadi** – kami menjaga pekerja anda daripada waktu diagnosis dibuat, menemani mereka sepanjang rawatan kanser mereka. Pengurus kes yang berdedikasi membantu pekerja anda memahami perlindungan mereka, menghubungi mereka dengan kerap untuk menyemak perkembangan rawatan dan mengurus hal ehwal pentadbiran secara proaktif sebelum rawatan
  - Pemprofilan genetik tumor untuk pendekatan rawatan peribadi
- Kami melindungi kebanyakan **masalah kesihatan mental** yang paling kerap didiagnosis pada masa kini, contohnya gangguan pemakanan, gangguan obsesif-kompulsif, gangguan spektrum autisme dan lain-lain.

# Tumpuan utama

## Perkhidmatan tambahan

Bagi kami, insurans kesihatan antarabangsa adalah lebih daripada sekadar kos perubatan. Oleh itu, kami telah menyertakan beberapa perkhidmatan tambahan dalam pelan kami, untuk membantu pekerja anda mengekalkan gaya hidup yang lebih sihat, menjaga kesihatan dan mengakses bantuan yang sewajarnya apabila diperlukan.

### Perkhidmatan sokongan 24/7

Kecemasan atau kebimbangan tidak semestinya berlaku pada masa yang sesuai. Pada bila-bila masa dan walau apa pun pertanyaan anda, kami ada di sini, sedia untuk membantu. Kami menawarkan pelbagai perkhidmatan sokongan yang tersedia pada setiap masa termasuk:

- Talian Bantuan berbilang bahasa kami untuk sebarang pertanyaan polisi atau bantuan kecemasan perubatan.
- Perkhidmatan Keselamatan Perjalanan, untuk bercakap dengan pakar keselamatan tentang sebarang kebimbangan yang berkaitan dengan destinasi pelancongan.
- Program Bantuan Pekerja, untuk mengakses perkhidmatan perundingan berkenaan dengan situasi yang mencabar dalam kehidupan seharian.

### Hab TeleKesihatan

Selain perlindungan untuk teleperundingan, kami juga menawarkan portal khusus, Hab TeleKesihatan, yang membolehkan pekerja anda log masuk dan mengakses penyedia teleperundingan yang paling sesuai untuk lokasi mereka. Mereka boleh bercakap dengan profesional perubatan melalui telefon atau sembang video dari keselesaan rumah atau pejabat mereka – untuk mendapatkan nasihat perubatan, syor dan preskripsi (ketersediaan perkhidmatan mungkin berbeza dari negara ke negara).

### Pendapat perubatan kedua

Misi kami adalah untuk memberikan jaminan kepada pekerja anda. Dengan perkhidmatan pendapat perubatan kedua kami, kami menawarkan kepada pekerja anda akses kepada pendapat perubatan pakar apabila mereka tidak pasti tentang diagnosis, pilihan rawatan atau samada pembedahan diperlukan.

### Olive

Kami percaya bahawa mencegah lebih baik daripada mengubati. Oleh itu, kami menawarkan kepada anda akses kepada Olive, program kesihatan dan kesejahteraan kami untuk pekerja. Program ini memberikan akses kepada alatan berguna untuk memotivasi dan membimbing pekerja anda ke arah kehidupan yang lebih sihat – mengurangkan risiko penyakit. Sebagai contoh, Olive memberikan akses kepada aplikasi kecergasan kami, yang dihubungkan kepada telefon pintar dan peranti boleh pakai, untuk memantau bilangan langkah yang diambil, kalori yang dibakar, jadual tidur dan pelbagai lagi.

## Terma dan syarat polisi

Jadual Manfaat ini direka bentuk untuk tujuan promosi dan menawarkan gambaran keseluruhan perlindungan yang kami sediakan di bawah setiap pelan. Semua jumlah adalah untuk setiap orang, setiap Tahun Insurans, melainkan dinyatakan sebaliknya. Perlindungan tertakluk pada terma dan syarat polisi kami, seperti yang diperincikan dalam Panduan Manfaat Pekerja kami, yang tersedia pada laman web kami: **www.allianzcare.com**

**Petunjuk kepada Jadual Manfaat:**

- ✓ Dilindungi sepenuhnya, hingga had pelan maksimum.
- ⊗ Tidak tersedia.
- 🕓 Tempoh menunggu dikenakan (melainkan anda mempunyai polisi tanpa pengunderaitan).
- ◥ Rawatan/kos memerlukan kebenaran awal melalui penyerahan Borang Kebenaran Awal. Butiran proses kebenaran awal kami juga boleh ditemukan dalam Panduan Manfaat Pekerja.

## Pelan Summit

Pelan Summit kami melindungi anda untuk rawatan pesakit dalam, pesakit luar, kesejahteraan dan manfaat perbidanan. Anda boleh menambahkan pelan pilihan (Pelan Pergigian, Optik dan Penghantaran Pulang – yang diterangkan pada bahagian seterusnya dalam dokumen ini) untuk melanjutkan perlindungan anda.

Nota: Pelan ini dijual dan manfaat dibayar kepada ahli dalam **Ringgit Malaysia (RM)**. Nilai Dolar AS (US$) yang setara disertakan dalam jadual adalah **untuk rujukan sahaja**.

| | Malaysia Summit 1750 | Malaysia Summit 2500 | Malaysia Summit 4000 | Malaysia Summit 5000 |
|---|---|---|---|---|
| Had pelan maksimum | RM 7,875,000 / US$ 1,750,000 | RM 11,250,000 / US$ 2,500,000 | RM 18,000,000 / US$ 4,000,000 | RM 22,500,000 / US$ 5,000,000 |
| Pilihan deduktibel<br>Deduktibel tidak dikenakan untuk manfaat berikut:<br>• Onkologi<br>• Psikiatri dan psikoterapi (rawatan pesakit dalam dan penjagaan harian)<br>• Manfaat tunai pesakit dalam di hospital awam<br>• Vaksinasi | Tiada deduktibel<br>ATAU<br>RM 4,500 / US$ 1,000<br>ATAU<br>RM 9,000 / US$ 2,000<br>ATAU<br>RM 18,000 / US$ 4,000 | ⊗ | ⊗ | ⊗ |
| Pilihan bayaran bersama<br>Bayaran bersama dikenakan untuk semua manfaat yang disertakan dalam Pelan Pesakit Luar dan Pelan Teras (untuk rawatan yang diterima sebagai pesakit luar), kecuali:<br>• Onkologi<br>• Perkhidmatan perundingan video (apabila diakses melalui Hab TeleKesihatan)<br>• Psikiatri dan psikoterapi<br>Bayaran bersama yang berasingan boleh dikenakan untuk Pelan Perbidanan, serta Pelan Pergigian dan Pelan Optik (jika disertakan). | ⊗ | Tiada bayaran bersama<br>ATAU<br>10% hingga maksimum RM 9,000 / US$ 2,000<br>ATAU<br>20% hingga maksimum RM 18,000 / US$ 4,000<br>ATAU<br>30% hingga maksimum RM 22,500 / US$ 5,000 | Tiada bayaran bersama<br>ATAU<br>10% hingga maksimum RM 9,000 / US$ 2,000<br>ATAU<br>20% hingga maksimum RM 18,000 / US$ 4,000<br>ATAU<br>30% hingga maksimum RM 22,500 / US$ 5,000 | Tiada bayaran bersama<br>ATAU<br>10% hingga maksimum RM 9,000 / US$ 2,000<br>ATAU<br>20% hingga maksimum RM 18,000 / US$ 4,000<br>ATAU<br>30% hingga maksimum RM 22,500 / US$ 5,000 |

| | Malaysia Summit 1750 | Malaysia Summit 2500 | Malaysia Summit 4000 | Malaysia Summit 5000 |
|---|---|---|---|---|
| **Manfaat Pelan Teras** | | | | |
| Penginapan hospital | Bilik peribadi | Bilik peribadi | Bilik peribadi | Bilik peribadi |
| Rawatan intensif | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Ubat dan pembalut yang dipreskripsikan<br>Rawatan pesakit dalam dan penjagaan harian sahaja. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Bayaran pembedahan, termasuk caj anestesia dan dewan bedah | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Bayaran doktor dan ahli terapi<br>Rawatan pesakit dalam dan penjagaan harian sahaja. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Peralatan dan bahan pembedahan | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Ujian diagnostik<br>Rawatan pesakit dalam dan penjagaan harian sahaja. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Pemindahan organ<br>Rawatan pesakit dalam sahaja. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Psikiatri dan psikoterapi<br>Rawatan pesakit dalam dan penjagaan harian sahaja. | Maksimum 30 hari, hingga RM 22,500 / US$ 5,000 | Maksimum 30 hari, hingga RM 22,500 / US$ 5,000 | Maksimum 30 hari, hingga RM 45,000 / US$ 10,000 | ✓ |
| Kos penginapan bagi seorang ibu bapa yang tinggal di hospital bersama anak yang diinsuranskan di bawah umur 18 tahun | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Pembedahan rekonstruktif<br>Mengembalikan fungsi atau penampilan semula jadi selepas kemalangan yang menyebabkan kecacatan atau pembedahan untuk kanser.<br>Jika rawatan untuk kemalangan atau pembedahan asal dilindungi oleh polisi ini. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Imbasan CT dan MRI<br>Rawatan pesakit dalam dan penjagaan harian sahaja. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Imbasan PET dan CT-PET<br>Rawatan pesakit dalam dan penjagaan harian sahaja. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Rawatan pergigian kecemasan pesakit dalam | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Rawatan penjagaan harian | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Dialisis buah pinggang<br>Rawatan pesakit dalam, penjagaan harian dan pesakit luar. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Pembedahan pesakit luar | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |

| | Malaysia Summit 1750 | Malaysia Summit 2500 | Malaysia Summit 4000 | Malaysia Summit 5000 |
|---|---|---|---|---|
| Penjagaan di rumah atau di rumah pemulihan<br>Serta-merta selepas atau sebagai pengganti bagi kemasukan ke hospital. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Rawatan pemulihan<br>Rawatan pesakit dalam, penjagaan harian dan pesakit luar; mestilah bermula dalam tempoh 14 hari dari waktu pesakit discaj dari hospital selepas rawatan perubatan dan/atau pembedahan akut selesai.<br>Dilindungi hanya jika anda telah menerima rawatan pesakit dalam selama sekurang-kurangnya tiga hari/malam berturut-turut untuk keadaan perubatan yang sama. | Maksimum 30 hari setiap discaj dari hospital | Maksimum 60 hari setiap discaj dari hospital | Maksimum 90 hari setiap discaj dari hospital | Maksimum 120 hari setiap discaj dari hospital |
| Ambulans tempatan | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Rawatan selepas discaj dari hospital<br>Dilindungi apabila diperlukan dalam tempoh 90 hari selepas discaj dari hospital daripada rawatan pesakit dalam atau penjagaan harian untuk keadaan perubatan akut yang sama. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Rawatan kecemasan di luar kawasan perlindungan<br>Untuk tempoh perjalanan maksimum enam minggu. | RM 60,750 / US$ 13,500 maksimum 42 hari | RM 60,750 / US$ 13,500 maksimum 42 hari | ✓ maksimum 42 hari | ✓ maksimum 42 hari |
| Evakuasi perubatan<br>Bagi rawatan **kecemasan**. | | | | |
| • Jika rawatan yang diperlukan tidak tersedia secara tempatan, kami akan memindahkan orang yang diinsuranskan ke pusat perubatan terdekat yang bersesuaian. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| • Jika rawatan berterusan diperlukan, kami akan menampung kos penginapan hotel. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| • Evakuasi sekiranya tiada bekalan darah yang disaring dengan secukupnya. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| • Jika keperluan perubatan menghalang perjalanan pulang dilakukan dengan segera selepas pesakit discaj dari hospital daripada episod penjagaan pesakit dalam, kami akan menampung kos penginapan hotel. | Maksimum 14 hari | Maksimum 14 hari | Maksimum 14 hari | Maksimum 14 hari |
| Evakuasi perubatan<br>Bagi rawatan **bukan kecemasan**. | Tersedia untuk ditambahkan pada pelan anda jika anda mahu meningkatkan perlindungan evakuasi perubatan anda – hubungi kami untuk mendapatkan maklumat lanjut. | | | |
| Kos perjalanan bagi satu orang yang mengiringi orang yang dievakuasikan | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Kos perjalanan ahli keluarga yang diinsuranskan sekiranya berlaku evakuasi | ✗ | RM 12,150 / US$ 2,700 setiap kali | RM 12,150 / US$ 2,700 setiap kali | RM 12,150 / US$ 2,700 setiap kali |
| Penghantaran pulang jenazah atau perbelanjaan pengebumian | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |

| | Malaysia Summit 1750 | Malaysia Summit 2500 | Malaysia Summit 4000 | Malaysia Summit 5000 |
|---|---|---|---|---|
| Kos perjalanan ahli keluarga yang diinsuranskan sekiranya jenazah perlu dihantar pulang | ✗ | RM 12,150 / US$ 2,700 setiap kali | RM 12,150 / US$ 2,700 setiap kali | RM 12,150 / US$ 2,700 setiap kali |
| Kos perjalanan ahli yang diinsuranskan untuk bersama saudara terdekat yang berada dalam bahaya kematian atau yang telah meninggal dunia<br>Satu perjalanan pergi balik bagi setiap ahli yang diinsuranskan untuk setiap Tahun Insurans. | ✗ | ✗ | ✓ | ✓ |
| Onkologi<br>Rawatan pesakit dalam, penjagaan harian dan pesakit luar. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| • Pembelian rambut palsu, bra prostetik atau peranti prostetik luaran lain untuk tujuan kosmetik | RM 1,215 / US$ 270 | RM 1,215 / US$ 270 | RM 3,038 / US$ 675 | RM 3,038 / US$ 675 |
| Pembedahan pencegahan<br>Rawatan pesakit dalam, penjagaan harian dan pesakit luar. | ✗ | ✗ | RM 182,250 / US$ 40,500 | RM 182,250 / US$ 40,500 |
| Pembedahan bariatrik<br>Rawatan pesakit dalam, penjagaan harian dan pesakit luar. | ✗ | ✗ | ✗<br>Peningkatan tersedia – anda boleh menambahkan manfaat ini pada pelan anda | RM 90,000 / US$ 20,000 |
| Manfaat tunai pesakit dalam di hospital awam (setiap malam) | RM 563 / US$ 125, maksimum 20 malam | RM 563 / US$ 125, maksimum 20 malam | RM 563 / US$ 125, maksimum 20 malam | RM 563 / US$ 125, maksimum 20 malam |
| Keadaan kongenital<br>Rawatan pesakit dalam dan penjagaan harian sahaja. | ✗ | RM 112,500 / US$ 25,000 untuk seumur hidup | RM 225,000 / US$ 50,000 untuk seumur hidup | RM 450,000 / US$ 100,000 untuk seumur hidup |
| Rawatan pergigian pesakit luar<br>Diperlukan sebagai susulan kepada rawatan pesakit dalam untuk kerosakan kepada gigi semula jadi akibat kemalangan.<br>Dilindungi apabila diperlukan dalam tempoh 90 hari selepas discaj dari hospital daripada rawatan pesakit dalam. | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Rawatan pergigian kecemasan pesakit luar<br>Rawatan juga boleh dibayar balik dalam terma mana-mana Pelan Pergigian yang berasingan. | ✗ | RM 2,250 / US$ 500 | RM 3,375 / US$ 750 | RM 6,750 / US$ 1,500 |
| Penjagaan paliatif<br>Rawatan pesakit dalam, penjagaan harian dan pesakit luar. | ✗ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Penjagaan jangka panjang<br>Rawatan pesakit dalam, penjagaan harian dan pesakit luar. | Maksimum 90 hari dalam seumur hidup | Maksimum 90 hari dalam seumur hidup | Maksimum 90 hari dalam seumur hidup | Maksimum 90 hari dalam seumur hidup |
| Rawatan HIV/AIDS<br>Rawatan pesakit dalam, penjagaan harian dan pesakit luar. | ✗ | RM 22,500 / US$ 5,000 | RM 45,000 / US$ 10,000 | RM 67,500 / US$ 15,000 |
| Kematian akibat kemalangan<br>Ahli yang diinsuranskan berumur 18 hingga 70 tahun. | ✗ | ✗ | ✗ | RM 60,750 / US$ 13,500 |

| | Malaysia Summit 1750 | Malaysia Summit 2500 | Malaysia Summit 4000 | Malaysia Summit 5000 |
|---|---|---|---|---|
| **Perkhidmatan Pelan Teras Tambahan** | | | | |
| Program Bantuan Pekerja**<br>Menawarkan akses kepada pelbagai perkhidmatan sokongan berbilang bahasa pada setiap masa seperti yang berikut:<br>• Kaunseling sulit dan profesional sehingga 5 sesi bagi setiap isu, bagi setiap tahun kalendar (secara bersemuka, melalui telefon dan video)<br>• Perkhidmatan rujukan undang-undang dan kewangan<br>• Akses laman web kesejahteraan | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Perkhidmatan Keselamatan Perjalanan**<br>Menawarkan akses kepada maklumat keselamatan peribadi dan nasihat untuk semua pertanyaan keselamatan untuk perjalanan anda pada setiap masa. Hal ini termasuk:<br>• Talian hotline Bantuan Keselamatan Kecemasan (bukan nombor telefon percuma)<br>• Nasihat perisikan dan keselamatan negara<br>• Berita keselamatan harian yang terkini dan makluman keselamatan perjalanan | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Perkhidmatan Digital MyHealth<br>• Urus perlindungan anda dalam talian dengan aplikasi atau portal kami pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja<br>• Serahkan dan jejaki kemajuan tuntutan<br>• Akses dokumen polisi anda, perkhidmatan kesihatan, butiran pembayaran dan pelbagai lagi | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Olive**<br>Program sokongan Kesihatan & Kesejahteraan kami merangkumi, sebagai contoh:<br>• Aplikasi kecergasan<br>• Akses kepada sumber kesejahteraan | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Perkhidmatan Pendapat Perubatan Kedua**<br>Menawarkan akses kepada bantuan pakar berkaitan dengan pilihan rawatan terbaik yang tersedia, jika anda telah didiagnosis dengan penyakit yang serius atau telah disyorkan untuk menjalani pembedahan | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |

<table>
<tr><th></th><th>Malaysia Summit 1750</th><th>Malaysia Summit 2500</th><th>Malaysia Summit 4000</th><th>Malaysia Summit 5000</th></tr>
<tr><td colspan="5">Manfaat Pelan Pesakit Luar</td></tr>
<tr><td>Ujian sebelum kemasukan ke hospital<br>Dilindungi apabila ujian tersebut diperlukan dalam masa 72 jam sebelum rawatan pesakit dalam atau penjagaan harian.</td><td>RM 4,500 / US$ 1,000</td><td rowspan="8">RM 22,500 / US$ 5,000<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia</td><td rowspan="8">RM 67,500 / US$ 15,000<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia</td><td rowspan="8">✓<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia</td></tr>
<tr><td>Perkhidmatan perundingan video**<br>Boleh diakses melalui Hab TeleKesihatan kami.</td><td>✗</td></tr>
<tr><td>Bayaran pengamal perubatan</td><td>✗</td></tr>
<tr><td>Ubat dan pembalut yang dipreskripsikan</td><td>✗</td></tr>
<tr><td>Bayaran pakar</td><td>✗</td></tr>
<tr><td>Ujian diagnostik</td><td>✗</td></tr>
<tr><td>Imbasan MRI</td><td>✗</td></tr>
<tr><td>Rawatan kecemasan pesakit luar</td><td>✗</td></tr>
<tr><td>Imbasan PET dan imbasan CT-PET</td><td>✗</td><td>✓</td><td>✓</td><td>✓</td></tr>
<tr><td>Imbasan CT</td><td>✗</td><td>✓</td><td>✓</td><td>✓</td></tr>
<tr><td>Fisioterapi selepas discaj dari hospital<br>Dilindungi apabila diperlukan dalam tempoh 90 hari selepas discaj dari hospital daripada rawatan pesakit dalam atau penjagaan harian.</td><td>RM 3,375 / US$ 750</td><td rowspan="4">RM 6,750 / US$ 1,500</td><td rowspan="4">RM 9,000 / US$ 2,000</td><td rowspan="3">✓</td></tr>
<tr><td>Fisioterapi yang dipreskripsikan<br>Rujukan daripada doktor diperlukan.<br>Selepas setiap 12 sesi, doktor atau ahli terapi anda perlu menyediakan laporan kemajuan dan pelan rawatan untuk keadaan anda.</td><td>✗</td></tr>
<tr><td>Terapi pertuturan dan terapi cara kerja yang dipreskripsikan</td><td>✗</td></tr>
<tr><td>Rawatan kiropraktik, osteopati dan podiatri<br>Selepas setiap 4 sesi, ahli terapi anda perlu menyediakan laporan kemajuan dan pelan rawatan untuk keadaan anda.</td><td>✗</td><td>RM 18,000 / US$ 4,000, maksimum 30 sesi</td></tr>
<tr><td>Homeopati, perubatan herba Cina, Tui Na, bekam, penetapan tulang, akupunktur dan rawatan ayurveda<br>Selepas setiap 4 sesi, ahli terapi anda perlu menyediakan laporan kemajuan dan pelan rawatan untuk keadaan anda.</td><td>✗</td><td>RM 1,350 / US$ 300</td><td>RM 3,375 / US$ 750</td><td>RM 6,750 / US$ 1,500, maksimum 15 sesi</td></tr>
</table>

| | Malaysia Summit 1750 | Malaysia Summit 2500 | Malaysia Summit 4000 | Malaysia Summit 5000 |
|---|---|---|---|---|
| Rawatan kesuburan<br>**Tempoh menunggu 12 bulan dikenakan.** | ⊗ | ⊗ | ⊗ | RM 72,900 / US$ 16,200 untuk seumur hidup |
| Psikiatri dan psikoterapi<br>Rujukan daripada doktor diperlukan untuk psikoterapi dan pada mulanya terhad kepada 10 sesi bagi setiap keadaan. | ⊗ | RM 4,500 / US$ 1,000 | RM 9,000 / US$ 2,000 | RM 45,000 / US$ 10,000 |
| Kelewatan perkembangan | ⊗ | ⊗ | ⊗ | RM 22,500 / US$ 5,000 |
| Bantuan perubatan yang dipreskripsikan | RM 4,500 / US$ 1,000 | RM 4,500 / US$ 1,000 | RM 4,500 / US$ 1,000 | RM 9,000 / US$ 2,000 |
| Vitamin, mineral dan makanan tambahan yang dipreskripsikan | ⊗ | ⊗<br>Peningkatan tersedia – anda boleh menambahkan manfaat ini pada pelan anda | ⊗<br>Peningkatan tersedia – anda boleh menambahkan manfaat ini pada pelan anda | ⊗<br>Peningkatan tersedia – anda boleh menambahkan manfaat ini pada pelan anda |
| Terapi penggantian hormon | ⊗ | ⊗ | ✓ | ✓ |
| Bayaran pakar diet | ⊗ | ⊗ | ⊗ | 4 lawatan |
| **Manfaat Pelan Kesejahteraan** | | | | |
| Vaksinasi | RM 675 / US$ 150 | RM 675 / US$ 150 | RM 1,125 / US$ 250<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia | RM 1,125 / US$ 250<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia |
| Pemeriksaan kesihatan dan kesejahteraan termasuk saringan untuk pengesanan awal sakit atau penyakit | ⊗<br>Peningkatan tersedia – anda boleh menambahkan manfaat ini pada pelan anda | ⊗<br>Peningkatan tersedia – anda boleh menambahkan manfaat ini pada pelan anda | RM 2,250 / US$ 500<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia | RM 4,500 / US$ 1,000<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia |
| Saringan kanser | | | | |
| Pemeriksaan pendengaran tahunan | ⊗ | ⊗ | ⊗ | RM 1,125 / US$ 250 |
| Pemeriksaan mata tahunan | ⊗ | ⊗ | ⊗ | |

| | Malaysia Summit 1750 | Malaysia Summit 2500 | Malaysia Summit 4000 | Malaysia Summit 5000 |
|---|---|---|---|---|
| **Manfaat Pelan Perbidanan** | | | | |
| Pembayaran bersama | ⊗ | 10% | 10% | 10% |
| Pemeriksaan rutin perbidanan<br>Rawatan pesakit dalam dan pesakit luar.<br>**Tempoh menunggu 12 bulan dikenakan.** | ⊗ | ⊗<br>Peningkatan tersedia – anda boleh menambahkan manfaat ini pada pelan anda | ⊗<br>Peningkatan tersedia – anda boleh menambahkan manfaat ini pada pelan anda | ⊗<br>Peningkatan tersedia – anda boleh menambahkan manfaat ini pada pelan andan |
| Komplikasi kehamilan dan bersalin<br>**Tempoh menunggu 12 bulan dikenakan.** | ⊗ | RM 67,500 / US$ 15,000 bagi setiap kehamilan | RM 67,500 / US$ 15,000 bagi setiap kehamilan | RM 225,000 / US$ 50,000 bagi setiap kehamilan |
| Khatan elektif untuk bayi lelaki yang baru lahir | ⊗ | RM 2,250 / US$ 500 | RM 2,250 / US$ 500 | RM 2,250 / US$ 500 |

## Pelan pilihan kami

Pelan yang berikut merupakan pilihan. Anda boleh memilih pelan yang berikut untuk melanjutkan perlindungan Pelan Summit anda tetapi anda tidak boleh membeli pelan ini secara berasingan. Pelan pilihan tertakluk pada had pelan maksimum pada pelan Summit anda.

**Pelan Pergigian**
Sila ambil perhatian bahawa kami menawarkan pelbagai pilihan pembayaran bersama untuk Pelan Pergigian: hubungi kami untuk mengetahui pilihan yang tersedia untuk anda. Kami juga menawarkan kepada anda peluang untuk menyesuaikan beberapa had manfaat anda. Untuk menyesuaikan perlindungan anda dengan lebih lanjut, hubungi kami untuk mengetahui pilihan yang tersedia.

| | Malaysia Summit 1750 | Malaysia Summit 2500 | Malaysia Summit 4000 | Malaysia Summit 5000 |
|---|---|---|---|---|
| Manfaat Pelan Pergigian | | | | |
| Rawatan pergigian<br>**Tempoh menunggu 6 bulan dikenakan.**<br>Pembedahan pergigian<br>**Tempoh menunggu 6 bulan dikenakan.**<br>Periodontik<br>**Tempoh menunggu 6 bulan dikenakan.**<br>Prostesis pergigian<br>**Tempoh menunggu 6 bulan dikenakan.** | ⊗ | RM 3,375 / US$ 750<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia | RM 4,500 / US$ 1,000<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia | RM 6,750 / US$1,500<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia |

| | Malaysia Summit 1750 | Malaysia Summit 2500 | Malaysia Summit 4000 | Malaysia Summit 5000 |
|---|---|---|---|---|
| Rawatan ortodontik<br>Sila hubungi kami dan serahkan butiran yang kami perlukan sebelum memulakan rawatan, supaya kami dapat mengesahkan sama ada anda dilindungi atau tidak. | ⊗ | ⊗ | RM 2,250 / US$ 500<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia | RM 4,500 / US$ 1,000<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia |
| Implan gigi | ⊗ | ⊗ | ⊗ | RM 2,250 / US$ 500<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia |

**Pelan Optik**

Kami menawarkan kepada anda peluang untuk menyesuaikan beberapa had manfaat anda. Untuk menyesuaikan perlindungan anda dengan lebih lanjut, hubungi kami untuk membincangkan pilihan yang tersedia.

| | Malaysia Summit 1750 | Malaysia Summit 2500 | Malaysia Summit 4000 | Malaysia Summit 5000 |
|---|---|---|---|---|
| Manfaat Pelan Optik | | | | |
| Cermin mata dan kanta lekap yang dipreskripsikan termasuk pemeriksaan mata | ⊗ | 80% bayaran balik, sehingga RM 1,125 / US$ 250<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia | 80% bayaran balik, sehingga RM 1,125 / US$ 250<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia | 80% bayaran balik, sehingga RM 2,250 / US$ 500<br>atau tanya kami tentang pilihan lain yang tersedia |
| Rawatan laser mata | ⊗ | ⊗ | RM 3,038 / US$ 675 | RM 6,075 / US$ 1,350 |

**Pelan Penghantaran Pulang**

## Manfaat Pelan Penghantaran Pulang

| | |
|---|---|
| Penghantaran pulang perubatan | ✓ |
| • Jika rawatan yang diperlukan tidak tersedia secara tempatan, anda boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan penghantaran pulang perubatan ke negara asal anda dan bukan ke pusat perubatan terdekat yang bersesuaian. Manfaat ini hanya terpakai apabila negara asal anda berada dalam kawasan perlindungan anda. | ✓ |
| • Jika rawatan berterusan diperlukan, kami akan menampung kos penginapan hotel. | ✓ |
| • Penghantaran pulang sekiranya tiada bekalan darah yang disaring dengan secukupnya. | ✓ |
| • Jika keperluan perubatan menghalang perjalanan pulang dilakukan dengan segera selepas pesakit discaj dari hospital daripada episod penjagaan pesakit dalam, kami akan menampung kos penginapan hotel. | maksimum 14 hari |
| Kos perjalanan bagi satu orang yang mengiringi orang yang dihantar pulang | RM 18,225 / US$ 4,050 |
| Kos perjalanan ahli keluarga yang diinsuranskan sekiranya berlaku penghantaran pulang | RM 12,150 / US$ 2,700 setiap kali |

** Perkhidmatan tertentu yang mungkin disertakan dalam pelan anda disediakan oleh penyedia pihak ketiga, seperti Program Bantuan Pekerja, Perkhidmatan Keselamatan Perjalanan, aplikasi kecergasan, Pendapat Perubatan Kedua dan perkhidmatan tele-perubatan. Jika disertakan dalam pelan anda, perkhidmatan ini akan dipaparkan dalam Jadual Manfaat anda. Perkhidmatan ini disediakan untuk anda tertakluk kepada penerimaan anda terhadap terma dan syarat polisi anda dan terma dan syarat pihak ketiga. Perkhidmatan ini mungkin tertakluk pada sekatan geografi. Aplikasi kecergasan tidak memberikan nasihat perubatan atau kesihatan dan sumber kesejahteraan yang terkandung dalam Olive adalah untuk tujuan maklumat sahaja. Aplikasi kecergasan dan sumber kesejahteraan yang terkandung dalam Olive tidak boleh dianggap sebagai pengganti kepada nasihat profesional (perubatan, fizikal atau psikologi). Aplikasi kecergasan dan sumber kesejahteraan juga bukan pengganti kepada diagnosis, rawatan, penilaian atau penjagaan yang mungkin anda perlukan daripada doktor anda sendiri. Anda memahami dan bersetuju bahawa syarikat insurans, syarikat insurans semula dan pentadbir syarikat insurans tidak bertanggungjawab atas sebarang tuntutan, kerugian atau kerosakan, secara langsung atau tidak langsung akibat daripada penggunaan mana-mana perkhidmatan pihak ketiga ini.

# Kawasan perlindungan

Kami menawarkan pelbagai pilihan untuk perlindungan geografi, yang boleh disesuaikan untuk memenuhi keperluan skim kumpulan besar.

Seluruh Dunia

Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat

Negara Terpilih di Asia Tenggara
(Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand dan Vietnam sahaja)

*Kawasan perlindungan tertakluk pada terma dan syarat kami.*

## Pilihan akses penyedia perubatan

**Komprehensif**
Anda mempunyai akses kepada mana-mana penyedia perubatan pilihan anda dalam kawasan perlindungan anda. Tiada bayaran bersama penyedia perubatan dikenakan.

**Standard**
Anda mempunyai akses kepada mana-mana penyedia perubatan pilihan anda dalam kawasan perlindungan anda, sama seperti pilihan 'Komprehensif'. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, **20% bayaran bersama** akan dikenakan untuk rawatan dan perkhidmatan pesakit dalam dan penjagaan harian yang dilindungi di bawah Pelan Teras (dan Pelan Perbidanan, jika anda memilih satu), apabila anda menerima rawatan tersebut daripada penyedia perubatan yang disenaraikan di bawah. Pilihan 'Standard' juga akan mengurangkan premium anda.

Singapura
- Mount Elizabeth Hospital
- Mount Elizabeth Novena Hospital
- Gleneagles Hospital
- Farrer Park Hospital
- Parkway East Hospital

Hong Kong
- Hong Kong Sanatorium & Hospital
- Hong Kong Adventist Hospital - Stubbs Road
- Gleneagles Hong Kong Hospital
- Matilda International Hospital

Thailand
- Bumrungrad International Hospital, Bangkok
- Bangkok Hospital

China
- Semua lokasi 'United Family Hospitals and Clinics', kecuali semua 'Shanghai United Family Hospitals and Clinics'
- Semua lokasi 'Parkway Health Clinics', termasuk 'Gleneagles Medical and Surgical Centre' dan 'Shenton Clinics'
- Raffles Medical di Beijing, Tianjin, Nanjing dan Chongqing

Indonesia
- All locations of Pondok Indah Hospitals
- All locations of Siloam Hospitals
- Rumah Sakit Umum Siloam Lippo Village
- Rumah Sakit Umum Syubbanul Wathon
- BIMC Nusa Dua
- BIMC Kuta

Malaysia
- Prince Court Medical Centre
- Pantai Hospital Kuala Lumpur
- KPJ Ampang Puteri

Filipina
- Asian Hospital and Medical Center
- St. Luke's Medical Center - Quezon City
- St. Luke's Medical Center - Global City

Vietnam
- FV Hospital
- Family Medical Practice District 1 – Bandar Ho Chi Minh

# Hubungi kami,
# kami sedia membantu!

Sekiranya anda ingin mengemukakan sebarang pertanyaan, jangan ragu-ragu untuk menghubungi kami:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz
Allianz Arena
Tingkat Bawah, Blok 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

**Pertanyaan jualan dan umum:**

Tel: 1 300 22 5542

E-mel: customer.service@allianz.com.my

www.allianz.com.my/international-healthcare-for-malaysia

Syarikat insurans ialah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad dengan alamat berdaftar di Aras 29, Menara Allianz Sentral, 203, Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia. No Syarikat 198301008983 (104248-X).

Polisi ini disokong oleh AWP Health & Life SA, yang menjalankan perdagangan sebagai Allianz, syarikat berhad yang dikawal oleh Kod Insurans Perancis dan bertindak melalui Cawangan Ireland. Sebahagian daripada Kumpulan Allianz, AWP Health & Life SA didaftarkan di Perancis: No. 401 154 679 RCS Bobigny. Cawangan Ireland didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Syarikat Ireland, No berdaftar: 907619, alamat: 15 Joyce Way, Park West Business Campus, Nangor Road, Dublin 12, Ireland. AWP Health & Life SA menyediakan perkhidmatan pentadbiran dan sokongan teknikal untuk polisi ini.

DOC-Summit-Malaysia-TOB-MY-0326